

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	1 July 2015

Kepakaran bidang perubatan negara terbaik

ilm - 11/7/2015

PUTRAJAYA 30 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kepakaran bidang perubatan negara adalah setanding bahkan dalam sesetengah aspek lebih baik berbanding di Barat.

Perdana Menteri memberitahu, perkara itu dibuktikan oleh sebuah penerbitan dari Amerika Syarikat (AS) yang menjalankan kajian pada awal tahun ini bahawa sistem penjagaan kesihatan negara diiktiraf sebagai antara terbaik daripada 25 buah negara di dunia.

"Dengan pengiktirafan tersebut, Malaysia telah mendahului negara-negara seperti Sepanyol, Perancis, Ireland dan New Zealand. Kita harus berbangga dengan pengiktirafan itu.

"Tahniah kepada ahli-ahli Peratuan Perubatan Malaysia (MMA) atas kerja keras mereka menjadikan sistem penjagaan kesihatan negara antara yang terbaik di dunia. Itu bukan satu pencapaian yang kecil," katanya ketika berucap melancarkan Penerbitan Buku Ulang Tahun Peringatan MMA Ke-55 di sini hari ini.

Yang hadir sama, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah dan Presiden MMA, Dr. Ashok Zachariah Philip.

Najib berkata, pengiktirafan itu

menjadi cerminan kepada peningkatan bilangan warga asing yang datang ke negara ini untuk mendapatkan prosedur perubatan.

Jelasnya, pencapaian Malaysia daripada pasaran pelancongan perubatan meningkat hampir dua kali ganda dalam tempoh empat tahun lalu dan pada 2014 mencapai 770,000 pesakit dengan jumlah pendapatan kira-kira RM700 juta.

"Tahun ini angka tersebut dijangka terus meningkat kepada 930,000 pesakit dengan perolehan sebanyak Rm1 bilion.

"Masyarakat dunia mempunyai keyakinan terhadap kualiti doktor dan hospital di Malaysia. Ini adalah bukti jelas negara berada pada landasan yang tepat untuk mencapai matlamat menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi menjelang 2020," katanya.

Menurut Perdana Menteri, beliau berhasrat menjadikan sistem penjagaan kesihatan sebagai keutamaan bagi meningkatkan daya saing negara dalam pasaran pelancongan perubatan.

Jelas beliau, jika dibandingkan dengan negara-negara jiran, Malaysia masih memerlukan satu tempoh yang panjang untuk mencapai hasrat itu namun diharap MMA dapat bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk merealisasikan.